

# Bahaya jika golongan 'separuh

BH 31 JUL 2001  
Oleh Lichong Angkui

KOTA KINABALU, Isnin – Kerajaan tidak mahu golongan 'separuh berpendidikan' mengambil alih pentadbiran kerana ia hanya merosakkan negara pada masa depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sebaliknya, Perdana

Menteri berkata kerajaan mahu mewujudkan generasi pelapis yang dapat menguruskan negara lebih baik daripada pemimpin sedia ada dan meneruskan wawasan menjadikan Malaysia negara maju pada 2020.

"Oleh itu, semua pelajar Bumiputera sama ada Melayu, Kadazandu-

sun, Iban, Bajau dan lainnya perlu meningkatkan kemahiran supaya bersedia mengambil alih kepemimpinan sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Tahunan Ketujuh Pertubuhan Pasokmogun Kadazandusun/Murut Bersatu (Upko) di

Hotel Magellan Sutera, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, beliau bimbang prestasi pelajar Bumiputera, terutama di universiti kerana tidak mahu melahirkan golongan yang hanya 'separuh berpendidikan' tetapi bercita-cita mengambil alih kerajaan sekarang.

## berpendidikan' memerintah: PM

Katanya, ini antara sebab kenapa kerajaan mahu pelajar Bumiputera di universiti memberi tumpuan terhadap pelajaran.

"Mereka yang berhasrat menggulingkan kerajaan, (setakat ini) saya tidak nampak ada usaha membangunkan kerajaan.

"Kita adalah manusia rasional, kita tidak suka

menjerit-jerit di tepi jalan, hendak marah kepada orang. Kalau hendak menjerit di tepi jalan tidak perlu pergi ke universiti, kita tidak perlu belajar hendak menjerit di universiti," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan praktikal dan tidak emosional dalam sebarang tindakan atau me-

lahirkan pendapat.

Malah, katanya, kerajaan bersyukur kerana sebahagian besar rakyat negara ini bersikap sederhana walaupun terdapat banyak perbezaan pendapat dalam pelbagai perkara dan isu.

Justeru, beliau meminta golongan yang menentang kerajaan di kalangan pe-

lajar universiti memahami keperluan untuk bersikap sederhana.

"Tidak dinafikan ketika menuntut kemerdekaan dulu, kita juga ada menjerit, tetapi sekarang kita sudah merdeka, tidak perlu lagi menjerit, sebaliknya tumpukan perhatian terhadap usaha memajukan negara," katanya.